

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SETEMPAT)

TARIKH: 01 MAC 2018

MUKA SURAT: 38



Tindakan pantas bomba selamatkan kedai makan

SIMPANG - Sebahagian kedai makan musnah selepas terlibat dalam kebakaran di Jalan Simpang, hadapan Mc Donald, awal pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira 4 pagi itu, ia hanya melibatkan kerosakan kepada struktur kedai dan perkakasan dapur sahaja.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Taiping, Rafeel Hairul Richard berkata, sebaik menerima panggilan kecemasan pada jam 4.08 pagi, sebuah jentera dengan kekuatan 11 anggota telah bergegas ke lokasi kejadian.

Menurutnya, semasa anggota tiba di lokasi kejadian, api masih marah dan usaha pemadaman segera dilakukan.

"Anggota bertindak menggunakan air bersumberkan tangki jentera dan turut mendapat bantuan daripada BBP Kamunting," katanya semalam.

Tambah Rafeel lagi, tindakan pantas anggota berjaya menyelamatkan kedai makan berkenaan musnah sepenuhnya.

"Operasi selesai kira-kira jam 4.55 pagi manakala jumlah kerugian dan punca kejadian masih lagi dalam siasatan. Operasi diketuai Shukor Abdul Hashim," katanya.